

Terapi alam semula jadi suntik semangat pesakit

22 **K2** MENYELAM HIDUPANDA

Oleh **MUNIRAH AZMAN**  
Foto **AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN**

KOSMO! RABU 14 MAC 2018

**RENCANA UTAMA**

DAUN misai kucing dijemur untuk diproses menjadi teh.

KOLAM ikan berkeluasan setengah hektar antara terapi menghilangkan tekanan penghuni PLC tentang penyakit HIV dan ketagihan dadah.

# Terapi alam semula jadi suntik semangat pesakit

Aktiviti pertanian dan perladangan menyemai sifat positif dan memberi kehidupan kedua kepada 16 orang penghuni di rumah perlindungan bekas penagih dan pesakit HIV, House of 16 di Batu Arang, Selangor.




**ALEX**

**B**UNYI suara kambing mengembek nyaring dari sebuah kandang di Batu Arang, Selangor itu mengejutkan **Wong Yee Keon**, 62, daripada tidurnya.

Penghuni rumah House of 16 itu melirik mata melihat jam di dinding. Menyedari waktu sudah pukul 7.30 pagi, dia perlu segera membersihkan diri.

Bekas penagih yang menghuni di salah sebuah rumah perlindungan bekas penagih dan pesakit Human Immunodeficiency Virus (HIV), Positive Living Community (PLC) itu sudah tidak sabar untuk bertemu dengan pokok misai kucing kesayangannya.

Pokok misai kucing itu ditanam di Ladang Organik Embun Pagi yang terletak kira-kira 100 meter dari rumah tersebut.

Usai mandi, Yee Keon memulakan rutin menyiram herba renek tersebut. Dia kemudian berganjak perlahan mencapai sudut tangan untuk membuang rumput di sekitar pokok tersebut.

Itulah rutin yang dijalannya sejak enam tahun lalu. Rumah kebajikan itu ditubuhkan oleh seorang sukarelawan sejak tahun 1997.

Menurut Yee Keon dia menjadi hamba dadah seawal usia 20-an. Ketagihan terhadap dadah jenis heroin membuatnya lupa pada keluarga sehingga sanggup hidup gelandangan. Namun, kematian rakannya akibat mengambil dos heroin secara berlebihan menjadi titik mula kepadanya untuk meninggalkan najis perasak itu.

**Bermaruah**

Dalam mindanya, sekalipun ditakdirkan mati, biarlah kematiannya lebih bermaruah. Atas sebab itu, dia menjalani pemulihan ketagihan dadah di sebuah rumah perlindungan di Klang, Selangor.

Malangnya, langit tidak selalu cerah. Saat ingin memulakan hidup baharu, dia disahkan pula menghidap penyakit HIV akibat berkongsi jarum suntikan.

Kekangan peralatan dan tempat di rumah perlindungan pertama membuatkan dia dirujuk ke PLC.

Pada awal kedatangannya ke PLC enam tahun lalu, Yee Keon sering termenung dan menangis. Dia tidak dapat menerima hakikat bahawa dia kini penghidap HIV.

"Saya mendapat perlindungan dan diberi rawatan Terapi Antiretroviral Aktif Tinggi (HAART) untuk melambatkan virus daripada merebak. Namun, ia seolah-olah tidak bermakna kerana rawatan tersebut tidak dapat menghentikan rebakan virus tersebut secara total. Saya sangat tertekan dan murung," jelasnya ketika ditemui di House of 16, PLC di Batu Arang baru-baru ini.

Namun, segala-galanya berubah apabila dia diberi tanggungjawab oleh penyelia untuk menguruskan sebuah kebun misai kucing.

Dia dilatih cara-cara menanam, menjaga dan membersihkan kawasan sekitar.

Mengakui pada peringkat awal dia memberontak kerana kurang minat, tetapi lama-kelamaan menyukainya kerana aktiviti tersebut membuatnya 'lupa' tentang penyakit yang dihidapi.

Yee Keon merupakan salah seorang daripada pesakit HIV yang menunjukkan kesan positif melalui aktiviti bercucuk tanam dan menternak yang disediakan oleh pihak pengurusan PLC.

Walaupun hanya berkeluasan tiga hektar, Ladang Organik Embun Pagi yang wujud sejak tahun 2006 itu ternyata membawa sinar baharu kepada 16 orang penghuni PLC. **Pengasas PLC, Alex Arokiam Arokia Das** menjelaskan, pihaknya mendapati, penghuni yang terlibat dengan aktiviti penternakan dan

MENGURUSKAN ternakan seperti kambing membantu memulih dan menguatkan jati diri penagih dan pesakit HIV.

pertanian lebih ceria serta bersemangat untuk meneruskan kehidupan. Lebih manis, ada dalam kalangan penagih yang dahulunya tegar mengambil dadah, langsung tidak menyentuh bahan itu walaupun berada di luar pusat perlindungan tersebut.

Bagi pesakit HIV pula, ada antara mereka yang semakin sihat dari segi tubuh badan berbanding ketika peringkat awal mereka datang ke PLC.

Menurut Alex yang berpengalaman selama dua dekad mengurus rumah perlindungan, walaupun tiada statistik untuk menunjukkan kesan positif hasil aktiviti penternakan dan perladangan, terapi tersebut adalah sangat penting.

"Lihat sahaja Yee Keon, dia mampu tersenyum dan bercerita mengenai pokok misai kucingnya. Itu adalah contoh bagaimana tekanan perasaan dan ketakutan yang dialami golongan ini dapat diringankan melalui flora dan fauna.

"Sebelum ladang ini diwujudkan, kebanyakan pesakit hanya bergantung kepada ubat. Ia membuatkan mereka malas serta cenderung berfikir negatif dan teringatkan dadah kerana

mempunyai 'banyak masa lapang', katanya yang mendapat bantuan dana daripada individu yang bermurah hati membiayai perbelanjaan di rumah itu.

Terdapat 60 orang penghuni yang menetap di empat buah rumah PLC iaitu House of 16, House of 15, House of 6 dan House of 7.

Daripada jumlah tersebut, 24 orang adalah penghidap HIV dan selebihnya penagih dadah.

#### Pendapatan

Setiap rumah dibahagi mengikut tahap kesihatan penghuni. Mereka yang tinggal di House of 16 terdiri daripada 16 orang pesakit HIV dan penagih yang masih boleh berjalan serta bergerak aktif.

Cerita Alex, Ladang Organik Embun Pagi itu terbahagi kepada dua aktiviti iaitu pertanian dan pemertanian.

"Kebun ini diwujudkan secara berperingkat pada tahun 2006 iaitu selepas House of 16 berpindah ke lokasi ini yang mempunyai tanah lebih luas untuk menempatkan kebun.

"Pada asalnya ia bermula dengan hanya dua ekor kambing serta 100 ekor anak ikan tilapia merah hasil sumbangan beberapa badan dan individu prihatin.

"Ketika itu ada penghuni yang pendiam, mula ketawa dan begitu teruja dapat memegang kambing serta memberi haiwan tersebut makan," cerita bapa kepada tiga orang cahaya mata ini.

Selepas 12 tahun, ia semakin berkembang termasuk penanaman pokok misai kucing dan ternakan ikan air tawar di atas tanah seluas setengah hektar. Kolam tersebut menempatkan beribu-ribu spesies ikan seperti ikan tilapia merah, tilapia hitam, haruan dan keli liar.

Terdapat dua kandang yang menempatkan 30 ekor kambing selain kawanan itik, angsa dan ayam untuk pesakit di rumah tersebut beraktiviti.

"Bagi mengelakkan mereka rindukan 'kehidupan lama' kami aturkan jadual dan membahagi tanggungjawab untuk setiap penghuni melakukan tugas.



PRODUK teh misai kucing hasil tanaman penghuni PLC di Ladang Organik Embun Pagi.

"Antaranya ialah memberi makan ikan dan haiwan ternakan selain membersihkan kandang setiap dua hari. Secara tidak langsung, mereka juga dapat mengeluarkan peluh dan membina hubungan persahabatan," ujarnya.

Menariknya, setiap aktiviti mereka dipantau oleh Gilbert Netto, 67, yang juga seorang bekas penagih.

Pesakit HIV sangat memerlukan sokongan sosial dalam memastikan hidup mereka bermakna.

Sokongan tersebut termasuklah penyediaan tempat dan sumber untuk mereka meluahkan perasaan serta jauh daripada dadah.

Bermula dengan sekadar mengisi masa lapang dan mengalih perhatian, akhirnya aktiviti pertanian menjadi sumber makanan dan pendapatan kepada penghuni.

"Sebahagiannya kami jual dan ada digunakan untuk keperluan sendiri. Kami pernah menjual telur ayam dan itik, dua ekor kambing dan ikan tilapia segar jika ada permintaan," jelas Alex usaha tersebut banyak membantu mengurangkan kos yang perlu di tanggunginya.

Terbaharu, kebun kecil itu dibantu sukarelawan dari dalam dan luar negara mengusahakan teh misai kucing. Menurut Alex, pesakit HIV hanya menanam dan mengeringkan daun pokok misai kucing. Proses selebihnya seperti mengunting

SEBAHAGIAN penghuni di PLC ceria melakukan aktiviti bersama-sama.

## RENCANA UTAMA



dan membungkus dijalankan di tempat berasingan oleh sukarelawan dan pekerja yang bebas virus HIV.

Alex sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak untuk tampil memberi kemudahan kepada penghuni di rumah tersebut.

"Dari sudut psikologi, mereka yang mengambil dadah cenderung untuk kembali menagih walaupun hanya dengan melihat kawasan pengambilan dadah.

"Mereka yang sudah dijangkiti virus HIV juga pada dasarnya masih giat mengambil dadah setiap kali berfikir tentang penyakit yang dihidapi.

"Ini kerana otak mereka sudah mengenal pasti dadah sebagai penyelesaian kepada segala masalah," ujar Pakar Psikiatri Penagihan Dadah, Unit Wiser, Jabatan Psikiatri Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia, Kelantan, Dr. Mohd. Azhar Mohd. Yasin.

Atas sebab itu, tidak hairanlah penagih kembali menagih walaupun sudah berhenti ketika berada di rumah perlindungan selama beberapa tahun.

Beliau yang meneraju pusat penagihan dengan rawatan pertanian di Pusat Pengajian Sains Perubatan USM Kubang Kerian menjelaskan, tumbuhan dan haiwan adalah perkara yang sangat baik untuk tujuan memulih dan menguatkan jati diri kerana mereka diajar untuk mengurus benda hidup.

### INFO Positive Living Community

■ Pengasas : Alex Arokiam Arokia Das  
■ Alamat : Lot 10, Jalan Besar, Batu Arang, Selangor  
■ Facebook : Positive Living Community Welfare Organisation Malaysia  
■ Laman web: Positive Living Community  
■ Telefon : 019-228.7750/ 018-232.3409



MOHD. AZHAR